



Anwar pada Majlis Perhimpunan Kementerian Kewangan Bersama Perdana Menteri dan Menteri Kewangan di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

# Kerajaan sedia ubah suai Belanjawan 2023 demi manfaat rakyat

## RUU Perbekalan 2023 kini pada peringkat perbincangan dasar di Dewan Rakyat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Ahmad Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan sedia mendengar pandangan semua pihak, termasuk pembangkang yang mahu supaya Belanjawan 2023 diubah suai khususnya berkaitan program yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2023 atau Belanjawan 2023 yang kini pada peringkat perbincangan dasar di Dewan Rakyat mungkin ada bahagian yang belum sempurna.

"Belanjawan tentunya tidak mungkin sempurna. Sebab itu kita dengar, baik pembangkang dan mana-mana gesaan dan pandangan yang munasabah, kita boleh terima dan ubah suai. Kalau tidak tahun ini, tahun depan," katanya pada Majlis Perhimpunan MOF bersama Menteri Kewangan dan Perdana Menteri, di sini, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut menyentuh menge-

nai ikhtiar kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar menerusi Belanjawan 2023.

Katanya, ada pihak tertentu mempersoalkan kononnya ia tidak Islamik dan praktikal sehingga beliau menganggapnya sebagai pandangan yang mengelirukan.

"Ada yang menyanggah kononnya dalam Islam itu tidak ada kebenaran bahawa kita harus dan mampu membasmi kemiskinan. Kerana kalau tidak, zakat mahu bayar kepada siapa kalau tiada orang miskin.

"Ini pandangan yang amat mengelirukan. Kalau saya Ketua Pembangkang, saya gasak (jawab) besar (lebih) sikit. Tapi kerana Perdana Menteri (tidak boleh lakukan)," katanya.

### Hapus kemiskinan tegar

Ketika membentangkan Belanjawan 2023 pada 24 Februari lalu, Anwar mengumumkan iltizam kerajaan menjadikan 2023 tahun menamatkan kemiskinan tegar, menerusi pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang akan menumpukan kepada pengupayaan golongan miskin supaya meningkatkan potensi pendapatan.

Ketika Waktu Pertanyaan Menteri. (MQT) di Dewan Rakyat, Anwar berkata, isu pemberian peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang tertangguh lama kerana Perikatan Nasional (PN) tidak pernah cuba memulakan rundingan berhubung perkara itu dengan kerajaan.

Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak pernah menolak permintaan pembangkang berhubung pemberian peruntukan, namun PN tidak pernah cuba memulakan rundingan sebaliknya terus bergaduh dengan kerajaan.

Katanya, keadaan itu berbeza berbanding ketika pentadbiran bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, di mana pemberian peruntukan yang adil kepada ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang bermula deringan rundingan antara kerajaan ketika itu dengan Pakatan Harapan (PH).

Sehubungan itu, Anwar enggan memanjangkan isu berkenaan dan mengarahkan rundingan antara kerajaan dan PN berhubung pemberian peruntukan kepada ahli Parlimen pembangkang dimulakan segera.

"Runding cara elok, bincang kaedahnya. Saya akan tanya bagaimana Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Kalau ada persefahaman itu, boleh jalan. Saya tak ada nak gaduh apa-apa.

"Yang maki hamun saya di Parlimen dan di luar mengatakan saya batalkan, saya zalim, saya tak bagi, ini tak ambil kira apa yang pernah berlaku," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (PN-Arau) yang meminta Perdana Menteri menyalurkan peruntukan RM300,000 kepada semua wakil rakyat yang kawasannya terbabat banjir ketika ini, khususnya di Johor.